

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 31/03/2019

Edisi / Muka surat : www.bernama.com

Tajuk : **Angkasa saran koperasi, konsortium jalin kerjasama pasar produk, elak orang tengah**

Angkasa saran koperasi, konsortium jalin kerjasama pasar produk, elak orang tengah

Tarikh kemaskini: 31/03/2019



PADANG BESAR, 31 Mac (Bernama) -- Koperasi termasuk konsortium koperasi di seluruh negara disaran mewujudkan kerjasama dalam usaha memasarkan produk mereka bagi mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata model kerjasama itu boleh memberikan impak yang besar dalam pemasaran kerana ia memberi manfaat kepada anggota koperasi itu sendiri, selain harga jualan juga boleh dikurangkan.

"Kita ada kira-kira 14,000 koperasi dan 200 konsortium yang berdaftar serta lebih enam juta anggota koperasi di seluruh negara, mewakili kira-kira 20 peratus pengguna di seluruh negara," katanya.

Beliau ditemui Bernama selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Angkasa, Konsortium Koperasi Tanaman Padi Negeri Perlis dan Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Negeri Kedah Berhad (KPPK) di sini, hari ini.

Beliau berkata koperasi adalah tempat terbaik bagi memasarkan barangan atau produk kerana harga boleh dikawal dan boleh mengimbangi permintaan dan penawaran.

Mengenai MoU hari ini Abdul Fattah berkata ia akan membolehkan konsortium itu, yang merupakan pemborong beras cap Melati, menggunakan KPPK yang berpangkalan di Sungai

Petani, Kedah untuk memasarkan produk mereka ke seluruh negara melalui kedai-kedai koperasi di seluruh negara.

“Angkasa turut memberikan pembiayaan tanpa faedah berjumlah RM200,000 bagi menjalankan operasi ini. Apabila mereka sudah stabil selepas ini, modal berkenaan perlu dikembalikan semula kepada Angkasa,” katanya.

Selain itu menurutnya beras berkenaan bakal dimasukkan ke dalam sistem Barangan Asas 100 (BA100) yang dijangka dilancar sebelum Ramadan tahun ini.

“Apabila sistem itu dilancarkan ia bakal memperbaiki struktur pemasaran dan pengedaran kerana sistem sedia ada mempunyai banyak lapisan menyebabkan harga daripada pengeluar atau pengilang apabila sampai kepada pengguna akhir menjadi tinggi. Tujuannya adalah untuk elak orang tengah,” katanya lagi.

Menurutnya BA100 ini bakal melibatkan 3,000 koperasi di seluruh negara.

-- BERNAMA